

Kesan berpanjangan Long COVID

Keletihan, kabus otak dan sakit sendi kesan paling ketara akibat COVID-19

Kesan berpanjangan pasca-COVID-19 (Long COVID) ialah pelbagai simptom yang berterusan selama beberapa minggu atau bulan selepas jangkitan COVID-19 akut.

Keletihan, kabus otak dan sakit sendi kesan paling ketara dihidapi oleh bekas pesakit COVID-19, meskipun sudah sembuh daripada penyakit itu.

Keadaan kesan berpanjangan pasca-COVID-19 (Long COVID) boleh berlaku kepada mana-mana bekas pesakit terbahit, walaupun mereka hanya mempunyai penyakit ringan.

Berdasarkan kajian Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya (UM) yang dijalankan di kalangan pemandiri COVID-19 di Malaysia dari Julai hingga September 2021, mendapati kira-kira 88 peratus daripada pemandiri COVID yang terbahit dalam kajian mengalami gejala

pasca-COVID sehingga enam minggu sejak diagnosis, 48 peratus lebih daripada enam minggu, 21.1 peratus lebih daripada tiga bulan (Long COVID) dan 10 peratus lebih daripada enam bulan.

Pensyarah Epidemiologi Universiti UM, Prof Dr Moy Foong Ming, berkata, keputusan ini disumbangkan oleh pesakit COVID yang kemungkinan besar berada dalam gelombang Delta dan tidak divaksinasi sebelum jangkitan.

Pada masa kini, virus yang dominan ialah varian Omicron dan lebih daripada 80 peratus daripada jumlah populasi kami diberi vaksin dengan dua dos dan 68 peratus daripada orang dewasa diberi vaksin dengan dos penggalak.

Menurut Pejabat Statistik Kebangsaan United Kingdom (UK), antara individu yang diberi vaksin dua dos, gejala pasca-COVID adalah 49.7 peratus lebih rendah dalam kalangan pemandiri jangkitan dengan varian Omicron daripada yang mempunyai varian Delta.

Walau bagaimanapun, tiada bukti statistik tentang perbezaan risiko antara jangkitan dengan varian Delta dan Omicron dalam kalangan orang dewasa yang menerima tiga dos vaksin.

Satu kajian kecil dari Jepun juga melaporkan bahawa lazimnya keadaan pasca-COVID daripada jangkitan

Omicron adalah kurang daripada strain lain.

Satu lagi kitaran tinjauan tentang gejala berpanjangan pasca-COVID

Oleh itu, pasukan penyelidik dari Jabatan Perubatan Kemasyarakatan dan Pencegahan, Fakulti Perubatan, Universiti Malaya ingin menjalankan satu lagi kitaran tinjauan tentang gejala berpanjangan pasca-COVID untuk menentukan sama ada individu yang dijangkiti COVID-19 (dengan atau tanpa gejala semasa jangkitan COVID-19) mengalami sebarang gejala

berpanjangan pasca-COVID selepas pemulihan dan tempoh gejala itu.

Long COVID atau keadaan berpanjangan pasca-COVID dalam kalangan bekas pesakit COVID dari gelombang semasa.

Penemuan ini akan bermanfaat dalam perancangan sumber manusia untuk menyediakan penjagaan kesihatan dan sokongan yang diperlukan serta program intervensi yang menyokong individu yang mengalami kesan berpanjangan pasca-COVID (Long COVID), dengan pautan tinjauan : <https://redcap.link/3cvjqbf3>.

info

Lebih 10 simptom pasca-COVID yang paling kerap dilaporkan ialah:

- Keletihan (72.1%)
- Kabus otak (50.9%)
- Sakit sendi/otot (45.5%)
- Berasa cemas (45.4%)
- Insomnia (45.1%)
- Rasa tertekan (41.2%)
- Batuk berterusan (39.6%)
- Berasa sakit (39.5%)
- Hilang bau/rasa (37.1%)
- Penurunan berat badan (34.3%),
- Sakit kepala (33.5%)
- Sukar bernafas (33.3%)
- Pening semasa berdiri (32.9%)
- Denyutan jantung yang amat cepat (31.7%)

